

SAGA MENYAMBUT HARI AIDS SEDUNIA

SANDAKAN, SABAH, 9 Disember 2011- Hari AIDS Sedunia 2011 telah diraikan oleh Persatuan Kumpulan Sokongan AIDS Sandakan, atau lebih dikenali sebagai '*Sandakan AIDS Support Group Assosiation*' (SAGA). Antara pengisian bermakna yang telah direncanakan untuk sambutan berkenaan adalah Majlis Makan Malam Amal, Majlis sambutan Hari AIDS Sedunia 2011 peringkat kebangsaan, dan Program Komuniti di Pasar Tamu.

Pada 9 Disember 2011, sebuah Majlis Makan Malam Amal telah berlangsung di Grand Ballroom, Hotel Sabah. Perasmian majlis ini telah disempurnakan oleh Presiden Majlis AIDS Malaysia, Tan Sri Mohd Zaman Khan dan dihadiri oleh ketua-ketua jabatan kerajaan, termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Artis terkenal seperti Fahrin Ahmad dan Bob Yusof serta bakat-bakat tempatan telah mewarnai acara ini. "Kami merasa terpenggil untuk tampil ke depan bagi mendidik masyarakat tempatan tentang isu stigma dan diskriminasi yang sering dikaitkan dengan HIV dan AIDS" ujar Fahrin dan Bob Yusof. Kutipan dana akan disalurkan kepada tabung khas untuk program-program yang memberi manfaat kepada komuniti terpinggir di sekitar Sandakan.

SAGA juga menjalin kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menganjurkan Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2011 peringkat kebangsaan pada 10 Disember 2011. Majlis yang bertempat di Dewan Sekolah Menengah Yu Yuan, Sandakan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Rosnah Bin Hj. Rashid Sirlin. Pengisian utama kepada sambutan ini adalah sebuah simposium yang mengupas tentang slogan Hari AIDS Sedunia 2011 – ***Menuju Sifar, Ke Arah Eliminasi Transmisi Vertikal***. Turut hadir adalah Pengarah-Pengarah dari Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Sabah seperti Jabatan Kesihatan Negeri, ADDK, PDRM, Jabatan Penjara, Jabatan Pelajaran, Jabatan Hal Ehwal Wanita, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan lain-lain.

Sebagai penutup kepada sambutan ini, SAGA telah menganjurkan sebuah Program Hari AIDS Sedunia 2011 Bersama Komuniti di Pasar Tamu Sandakan. Aktiviti seperti pameran pendidikan HIV dan AIDS, jualan cenderamata dan kraftangan SAGA serta persembahan khas oleh sukarelawan SAGA. Program ini dirasmikan oleh Puan Roswati Abdul Ghani, Pengarah Eksekutif Majlis AIDS Malaysia.

"SAGA merasa bangga kerana diberi penghormatan untuk menganjurkan sambutan Hari AIDS Sedunia peringkat kebangsaan 2011. Sambutan ini membawa pengertian besar buat para aktivis dan penggiat aktiviti sokongan HIV dan AIDS di Sandakan. Saya berharap agar momentum sokongan ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan melalui penyertaan yang lebih aktif oleh pihak-pihak berwajib," komen Dr. Zaiton Yahya, Presiden SAGA.

Menurut Presiden Majlis AIDS Malaysia, Tan Sri Mohd Zaman Khan “Majlis AIDS Malaysia menyokong penuh sebarang usaha yang dijalankan oleh ahli-ahli gabungannya untuk meraih sokongan dana dan menarik penglibatan masyarakat tempatan dalam kerja-kerja kebajikan”.

TENTANG HARI AIDS SEDUNIA

Pada 1 Disember setiap tahun, masyarakat dunia bergandingan bahu bersama-sama dalam menghadapi kebimbangan masalah kesihatan awam yang kian meningkat yang mana ia telah memberi kesan kepada lebih daripada 33 juta nyawa di seluruh dunia. Sambutan Hari AIDS Sedunia adalah sambutan yang menyediakan peluang untuk kita semua - individu, masyarakat dan pemimpin-pemimpin politik – bertindak untuk memastikan bahawa hak asasi manusia dilindungi dan matlamat serta visi bersama kita untuk mewujudkan dunia yang bebas daripada kesan negatif HIV / AIDS dipenuhi.

'Menuju sifar' adalah kempen universal bagi sambutan Hari Sedunia tahun ini yang memberi sahutan kepada negara-negara untuk menguatkan usaha mereka dalam mencapai tiga misi sifar UNAIDS (The Joint United Nations Programme on HIV/AIDS) yang memberi tindak balas global kepada wabak HIV / AIDS, iaitu **'Sifar Jangkitan Baru'**, **'Sifar Diskriminasi'**, dan **'Sifar Kematian Berkaitan dengan AIDS'**. Kempen ini akan berlangsung hingga tahun 2015 serentak dengan tarikh akhir Matlamat Pembangunan Milenium mengundurakan trend epidemik HIV.

TENTANG SANDAKAN AIDS SUPPORT GROUP ASSOCIATION

SAGA ditubuhkan pada tahun 2008 bagi menyahut cabaran National Strategic Plans for AIDS/HIV 2006-2011 untuk menjalankan aktiviti selari dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pejabat SAGA yang berpusat di Bandar Indah Jaya beroperasi sebagai pusat informasi untuk memberi maklumat tentang temuseru (Outreach Program, membuat saringan (HIV test), promosi menggunakan kondom, kesedaran kepada remaja dan belia tentang penyakit AIDS dan merujuk kes ke klinik kesihatan untuk tindakan selanjutnya. Kumpulan sasaran adalah golongan yang berisiko tinggi, remaja, wanita, belia dan kanak-kanak. Dengan memberikan kesedaran tentang bahaya HIV dan nasihat ' practice safe sex' diharap penularan HIV dapat dikurangkan setiap tahun. Dikalangan remaja ' abstinence' atau menguatkan daya kekuatan penahan seks rambang. Dalam usaha mempertingkatkan tahap kesedaran dan kefahaman yang menyeluruh di kalangan masyarakat pusat ini bertujuan untuk membuat kaunseling secara individu atau berkumpulan.

TENTANG MAJLIS AIDS MALAYSIA

Majlis AIDS Malaysia (MAM) telah ditubuhkan pada tahun 1992 berfungsi sebagai payung organisasi yang menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha badan-badan / pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bekerja dalam isu-isu HIV / AIDS di Malaysia. MAM, bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi antarabangsa, memastikan respons yang komited dan berkesan oleh badan-badan bukan kerajaan yang bekerja didalam isu-isu HIV / AIDS di Malaysia. MAM, yang terdiri daripada Sekretariat dan Organisasi Ahli-Ahli Gabungan, bekerjasama sebagai satu pasukan untuk menjalankan program ke seluruh negara dan berkhidmat sebagai suara bersama untuk masyarakat. Selain menyelaras dan melaksanakan program bersama Ahli-Ahli Gabungan, MAM juga memperluaskan organisasi-organisasi ini dengan latihan pembangunan kapasiti untuk melaksanakan program HIV / AIDS dengan lebih berkesan di Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai MAM, sila layari laman web khusus, www.mac.org.my.

Sila hubungi keterangan lanjut.

Dr. Zaiton Yahya 0198336906 / zaitonduchess@hotmail.com

Zarina Yahya | 0174709693 / inabella15@yahoo.com

(TAMAT)